



# **MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**

## **KENYATAAN SEBUTHARGA KHAS UNTUK BUMIPUTERA**

Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam **Gred , Kategori dan Pengkhususan** yang berkaitan serta bertaraf **Bumiputera** yang masih sah tempohnya dibenarkan menyertai sebutharga berikut:-

<b>No. Sebutharga</b>	<b>Perihal Kerja</b>	<b>Harga Dokumen/ Tarikh Mula Dijual</b>	<b>Syarat Pendaftaran</b>
MBJB/SH/ 111/2019	<p>Kerja-kerja menurap semula jalan dan lain-lain kerja berkaitan di kawasan tempat letak kereta jalan Bertam 14 dan sekitarnya, Taman Daya, Johor Bahru, Johor</p> <p>Tarikh Iklan : 16.6.2019 Tarikh Taklimat/ Lawatan Tapak : 23.6.2019 (Ahad) Tempat : Bahagian Kejuruteraan Awam (Jalan), Jabatan Kejuruteraan, Aras 1, Majlis Bandaraya Johor Bahru</p> <p>Masa : 9.30 pagi Tarikh Tutup : 30.6.2019 (Ahad)(Tepat 12.00 tgh) S/harga No.Fail : MBJB/U/2018/31/PRL/SH/74</p> <p><b>*TAKLIMAT DI PEJABAT DAN LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN*</b></p>	<p>RM 30.00</p> <p>23.6.2019 hingga 27.6.2019</p>	<p>CIDB Gred : G1 Kategori : CE Pengkhususan : CE01 dan CE21</p> <p><b>HANYA PENAMA DALAM SIJIL CIDB Dibenarkan Hadir Taklimat /Lawatan Tapak (Mana Berkaitan)</b></p>

MBJB/SH/ 112/2019	Kerja-kerja membekal dan memasang gril di Rumah Sewa Pangsapuri Setanggi (Kuarters MBBJ) dan kerja-kerja berkaitan Majlis Bandaraya Johor Bahru  Tarikh Iklan : 16.6.2019 Tarikh Taklimat/ Lawatan Tapak : 23.6.2019 (Ahad) Tempat : Bahagian Projek Bangunan, Jabatan Bangunan, Aras 4, Majlis Bandaraya Johor Bahru  Masa : 2.30 petang Tarikh Tutup : 30.6.2019 (Ahad)(Tepat 12.00 tgh) S/harga No.Fail : MBBJ/U/2019/11/PNY/04  <b>*TAKLIMAT DI PEJABAT DAN LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN*</b>	RM 50.00  23.6.2019 hingga 27.6.2019	CIDB Gred : G2 Kategori : B Pengkhususan : B04  <b>HANYA PENAMA DALAM SIJIL CIDB Dibenarkan Hadir Taklimat /Lawatan Tapak (Mana Berkaitan)</b>
----------------------	--	--	--

2. Dokumen Sebutharga boleh didapati semasa waktu pejabat di **Kaunter Setempat (No.7) Aras Bawah, Majlis Bandaraya Johor Bahru** sebagaimana kenyataan sebutharga di atas. Sila bawa bersama **Sijil - Sijil ASAL** semasa membeli dokumen sebutharga sebagaimana berikut :-

**2.1 : Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB**

**2.2 : Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB dan Taraf Bumiputera (STB) oleh PKK**

**2.3 : No. Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat MALAYSIA (SSM)**

3. Penyebut harga yang berminat untuk menyertai tawaran ini adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat di pejabat Bahagian yang terlibat pada tarikh dan tempat sebagaimana yang ditetapkan di atas. **PENYEBUTHARGA (PEMILIK LESEN) SAHAJA** dibenarkan hadir ke taklimat di pejabat dan lawatan tapak **TIDAK BOLEH DIWAKILKAN**. Untuk keterangan lanjut sila layari laman MBBJ iaitu **[www.mbjb.gov.my](http://www.mbjb.gov.my)**.
4. Penyebut harga diwajibkan untuk mendaftar secara dalam talian menggunakan sistem iPerolehan sebelum hari taklimat diadakan melalui laman sesawang **<https://apl.mbjb.gov.my/iperolehan>**. Segala kesulitan yang dihadapi ketika hari taklimat akibat tidak mendaftar secara dalam talian adalah di bawah tanggungan pihak penyebut harga sendiri.
5. Dokumen Sebutharga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan dalam sampul surat berlakri serta bertulis No. Sebutharga dan Perihal Kerja di sudut atas sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga di Aras 1, Bahagian Mesyuarat, Majlis Bandaraya Johor Bahru** sebelum jam **12.00 tengahari pada tarikh tutup pada 30.6.2019 (Ahad)**.
6. Dokumen sebutharga yang dihantar melalui pos biasa/pos laju hendaklah dialamatkan ke **Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras Bawah, Majlis Bandaraya Johor Bahru** untuk dimasukkan di dalam Peti sebutharga **sebelum pukul 12.00 tengahari** pada tarikh tutup yang ditetapkan di atas.

7. Majlis tidak terikat samada menerima Sebutharga yang terendah harganya atau sebarang tawaran lain

Sekian, dimaklumkan.

.....  
**(Ir. HAJAH NAZATUL SHIMA BINTI MOHAMAD)**  
Timbalan Setiausaha,  
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

*Tawaran dipamerkan juga di papan kenyataan sebagaimana berikut :*

- i. Pejabat Majlis Bandaraya Iskandar Puteri*
- ii. Pejabat Daerah Johor Bahru*
- iii. Pejabat Jurutera Daerah JKR (D) Johor Bahru*
- iv. Pejabat Jabatan Pengairan dan Saliran Johor Bahru*
- v. Pejabat Majlis Perbandaran Pasir Gudang*